

Original Research Article

Penerokaan Cabaran Sosiobudaya Pekerja Komuniti dalam Menangani Kes Penderaan Seksual Kanak-Kanak (Exploring the Sociocultural Challenges of Community Workers in Handling Child Sexual Abuse Cases)

Khairul Anuar Abdul Manap*, Noviatin Syarifuddin dan Nurul Izyan Husna Ibrahim

Program Antropologi dan Sosiologi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: anuarmanap@gmail.com

Diserah: 29 Januari 2026 / Diterima: 1 Ogos 2026

Abstrak. Penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan isu serius di Malaysia yang memberi kesan mendalam terhadap perkembangan fizikal, emosi, dan sosial mangsa. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan peningkatan kes daripada 1,705 kes pada tahun 2022 kepada 2,315 kes pada tahun 2023. Peningkatan ini mencerminkan kelemahan dalam sistem perlindungan sosial dan institusi keluarga, sekaligus menuntut peranan lebih proaktif pekerja komuniti sebagai agen sosialisasi, namun keberkesanan peranan pekerja komuniti sering terjejas oleh cabaran sosiobudaya serta kekangan sumber. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual mendalam yang dilaksanakan dengan kaedah *Focus Group Discussion* (FGD) melibatkan 15 orang pekerja komuniti yang dipilih secara bertujuan. Informan terdiri daripada pemimpin dan aktivis NGO, pendidik, serta ahli persatuan dari pelbagai kawasan di Malaysia. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema utama dan subtema berkaitan cabaran sosiobudaya. Hasil kajian menunjukkan tiga cabaran utama yang dihadapi iaitu penerimaan keluarga, stigma sosial, dan tahap kesedaran masyarakat yang rendah terhadap isu penderaan seksual kanak-kanak. Kajian ini menyumbang kepada bidang sosiologi keselamatan dan pembangunan dengan memperluaskan pemahaman tentang peranan pekerja komuniti sebagai agen perubahan sosial dalam konteks perlindungan kanak-kanak. Implikasi kajian turut menekankan keperluan pengukuhan dasar, penyediaan sumber yang mencukupi, serta pembangunan latihan komprehensif bagi meningkatkan keberkesanan pekerja komuniti dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa penderaan seksual di Malaysia.

Kata Kunci pekerja komuniti, penderaan seksual kanak-kanak, cabaran sosiobudaya, agen perubahan sosial, intervensi sosial

Abstract. Child sexual abuse in Malaysia remains a critical concern that disrupts the physical, emotional, and social well-being of affected children. Statistics from the Department of Social Welfare (JKM) indicate an increase in reported cases from 1,705 in 2022 to 2,315 in 2023. This rise reflects weaknesses in the social protection system and family institutions, thereby necessitating a more proactive role for community workers as agents of socialization. However, the effectiveness of community workers is often hindered by sociocultural challenges and resource constraints. This study adopts a qualitative approach through in-depth interviews using the *Focus Group Discussion* (FGD) method, involving 15 purposively selected community workers. The informants consisted of community workers from various regions in Malaysia, including leaders and activists of non-governmental organizations (NGOs), educators, and association members. The data were analyzed using thematic analysis to identify major themes and subthemes related to sociocultural challenges. The findings revealed that community workers face three major challenges, namely family acceptance, social stigma, and low levels of public awareness regarding child sexual abuse. This study contributes to the field of sociology of security and development by enhancing the understanding of

community workers' roles as agents of social change in the context of child protection. The implications emphasize the need for policies reinforcement, adequate resource provision, and comprehensive training to improve the effectiveness of community workers in protecting children from sexual abuse in Malaysia.

Keywords community workers, child sexual abuse, sociocultural challenges, social change agent, social intervention

Pengenalan

Penderaan seksual kanak-kanak merupakan sebuah masalah sosial yang serius berlaku di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Fenomena ini memberi kesan kepada kanak-kanak daripada semua peringkat umur, jantina, etnik, dan kumpulan sosioekonomi, serta dikaitkan dengan implikasi negatif terhadap kesihatan fizikal dan psikologi (Rapholo, 2021). Menurut Akta Kanak-Kanak 2001 dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) 1995, kanak-kanak terdiri daripada individu yang berumur 18 tahun dan ke bawah (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Dari segi fizikal, kanak-kanak yang terlibat berisiko mengalami kecederaan pada organ genital, jangkitan seksual, dan masalah kesihatan yang berpanjangan (Macmillan, 2000). Mangsa penderaan seksual sering menghadapi gangguan emosi dan mental seperti kecemasan, kemurungan, gangguan stres pasca-trauma (PTSD), serta kesulitan dalam pembentukan hubungan sosial yang sihat (Finkelhor, 1994). Kejadian penderaan ini boleh menyebabkan kesan jangka panjang yang mengganggu perkembangan kanak-kanak dan mempengaruhi kesejahteraan sosial mereka pada masa hadapan.

Laporan antarabangsa *Out of the Shadows* meletakkan Malaysia di tangga ke-23 daripada 60 negara dengan skor 56.9%, mencerminkan tahap komitmen negara dalam menangani eksploitasi dan penderaan seksual kanak-kanak (Hasimi Muhamad, 2023). Pada masa yang sama, data rasmi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendedahkan peningkatan ketara kes, apabila jumlah laporan meningkat kepada 2,315 pada tahun 2023. Angka ini lebih tinggi berbanding 1,705 kes pada tahun 2022 dan 1,962 kes pada tahun 2021, menjadikan jumlah keseluruhan untuk tempoh 2018 hingga 2023 sebanyak 11,458 kes (Wan Zairul Azri, 2024). Walaupun Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 telah diperkenalkan, statistik menunjukkan kes penderaan seksual kanak-kanak terus meningkat. Situasi ini mencerminkan kelemahan sistem perlindungan sosial, kerapuhan institusi keluarga, dan ketempangan mekanisme sokongan ekosistem masyarakat. Selain itu, keberkesanan pelaksanaan dasar dan program yang sedia ada, serta cabaran yang dihadapi oleh pekerja komuniti dalam membendung masalah ini turut menjadi faktor kepada kes penderaan seksual berlaku.

Dalam konteks ini, pekerja komuniti berperanan penting sebagai agen sosialisasi yang menyokong mangsa, keluarga, dan masyarakat. Mereka bukan sekadar pelaksana dasar, tetapi turut berfungsi sebagai pendengar, fasilitator, dan pendukung dalam proses pemulihan serta usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan melindungi kanak-kanak. Namun, keberkesanan peranan ini sering terhalang oleh cabaran sosiobudaya. Struktur sosial seperti kemiskinan, ketidakfungsian keluarga, serta jurang dalam literasi kesihatan reproduktif dan seksualiti menjadi penghalang utama. Selain itu, norma budaya yang menekankan stigma terhadap mangsa dan keluarga turut mengakibatkan banyak kes tidak dilaporkan, sekaligus menyukarkan pekerja komuniti untuk memberikan sokongan yang sewajarnya (Ramalingam & Alavi, 2021). Kekangan ini semakin meruncing apabila digabungkan dengan kekurangan sumber, ketiadaan latihan khusus, dan kelemahan kerjasama antara agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan organisasi bukan kerajaan (NGO). Rosanida et al. (2015) turut menyatakan bahawa pekerja komuniti yang mengendalikan kes penderaan kanak-kanak sering mengalami tekanan emosi akibat stigma masyarakat dan kekeliruan dalam mengenal pasti bentuk penderaan seksual.

Kendatipun, kajian ini menumpukan pekerja komuniti sebagai unit analisis yang mana pengkaji meneliti maklumbalas pengetahuan dan pengalaman pekerja komuniti dalam aspek cabaran sosiobudaya dalam pengendalian kes penderaan seksual kanak-kanak. Cabaran sosiobudaya dilihat memberi penekanan kepada aspek struktur sosial dan budaya yang menjadi penghalang kepada keberkesanan peranan pekerja komuniti sebagai agen perubahan sosial dalam menangani isu penderaan seksual kanak-kanak. Tambahan, kajian ini

menumpukan kes penderaan seksual kanak-kanak di lokasi yang pelbagai di Malaysia berbanding kajian yang dijalankan oleh Ramalingam & Alavi (2021) yang menumpukan kepada kes penderaan seksual di taska. Penderaan seksual kanak-kanak adalah isu serius yang memerlukan pendekatan menyeluruh dalam pencegahan dan intervensi. Walaupun pekerja komuniti sering menjadi tonggak utama dalam menangani isu ini, keberkesanan peranan mereka banyak bergantung kepada sejauh mana cabaran sosiobudaya mempengaruhi tugas mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka pelaksanaan peranan pekerja komuniti dengan mempertimbangkan cabaran sosiobudaya dalam usaha menangani kes penderaan seksual kanak-kanak secara holistik.

Metodologi

Setiap elemen metodologi ini dirancang secara teliti dan berasaskan justifikasi ilmiah, bagi memastikan penyelidikan ini bukan sahaja memenuhi objektif yang ditetapkan, tetapi juga menghasilkan dapatan yang relevan, sahih, dan bermakna dalam konteks isu yang dikaji. Pendekatan metodologi ini juga bertujuan untuk menjamin keutuhan penyelidikan serta menyumbang kepada perbincangan ilmiah dalam bidang yang berkaitan.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini berlandaskan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kes bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan. Pendekatan ini menekankan kesesuaian kaedah dengan tujuan serta konteks kajian, sekaligus membolehkan pengkaji memilih kaedah yang paling relevan tanpa terikat kepada sesuatu paradigma tertentu (Creswell, 2018). Menurut Bryman (2012), integrasi pelbagai sumber data dan perspektif melalui pendekatan ini dapat meningkatkan ketepatan serta memperluaskan pemahaman terhadap isu yang dikaji. Tambahan pula, pelaksanaan proses triangulasi data berfungsi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Oleh itu, penerapan pendekatan kualitatif dalam kajian ini bukan sahaja membolehkan persoalan kajian dicapai secara menyeluruh, tetapi juga menjamin ketepatan, kebolehpercayaan, dan relevansi dapatan. Hasilnya, kajian ini mampu memberikan sumbangan bermakna terhadap pemahaman isu yang dikaji serta menawarkan cadangan praktikal yang bersifat holistik dan seimbang.

Teknik Pensampelan Kajian


Bagi mendapatkan data kajian ini, peserta dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu berdasarkan kriteria tertentu yang relevan dengan objektif kajian. Menurut Silverman (2013), pengumpulan data daripada individu berpengalaman penting bagi menghasilkan analisis yang lebih tepat dan bermakna. Oleh itu, seramai 15 orang pekerja komuniti telah dipilih, melibatkan pegawai agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk pendidik, pegawai penguatkuasa, pelindung kanak-kanak, serta aktivis sosial yang terlibat secara langsung dalam menangani kes penderaan seksual kanak-kanak.

Pemilihan peserta daripada pelbagai sektor bertujuan mendapatkan perspektif yang pelbagai mengenai cabaran dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak. Seperti yang dinyatakan Creswell (2018), penglibatan pelbagai sumber data dan perspektif dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang fenomena yang dikaji. Pendekatan ini turut disokong oleh prinsip triangulasi iaitu penggunaan pelbagai sumber data untuk mengukuhkan kesimpulan kajian, meningkatkan kesahihan, serta memperkayakan pemahaman terhadap isu yang diteliti (Fetters et al., 2013).

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan data kualitatif yang diperoleh melalui sesi temu bual bersemuka secara mendalam dengan menggunakan kaedah *Focus Group Discussion* (FGD). Seperti yang dinyatakan oleh Krueger & Casey (2015), FGD merupakan kaedah berkesan dalam mengumpul pandangan pelbagai peserta kerana interaksi kumpulan dapat mencetuskan idea serta refleksi yang lebih mendalam. Kaedah ini membolehkan proses triangulasi data dilaksanakan, sekaligus meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan kajian.

Berdasarkan soalan kajian yang dirangka (rujuk Rajah 1), beberapa tema utama telah dikenal pasti berkaitan cabaran sosiobudaya dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak.



Rajah 1. Protokol FGD tentang cabaran sosiobudaya

Kaedah Analisis Data

Proses analisis data dijalankan menggunakan analisis tematik untuk meneroka cabaran sosiobudaya yang dihadapi oleh pekerja komuniti. Pendekatan ini memastikan dapatan kajian bukan sahaja berasaskan data tetapi juga memberikan penekanan kepada konteks budaya dan sosial, menjadikannya relevan dan signifikan dalam menyelesaikan isu yang dikaji.

Etika Penyelidikan

Aspek etika penyelidikan diberi perhatian sepanjang pelaksanaan kajian ini memandangkan topik yang dikaji berkaitan isu sensitif iaitu penderaan seksual kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melibatkan mangsa kanak-kanak, ahli keluarga mangsa, atau pelaku secara langsung. Sebaliknya, peserta kajian terdiri daripada pekerja komuniti yang memiliki pengalaman profesional dalam mengurus, menyokong, atau berinteraksi dengan isu penderaan seksual kanak-kanak. Pengumpulan data dilaksanakan melalui sesi temu bual bersemuka secara mendalam dengan menggunakan kaedah *Focus Group Discussion* (FGD) bagi mendapatkan pandangan peserta berdasarkan pengalaman kerja dan pengetahuan profesional mereka.

Sebelum pengumpulan data dijalankan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan surat kebenaran daripada fakulti [UKM.FKK.SPP.600-4/6/1(P132422)] sebagai sokongan rasmi terhadap pelaksanaan kajian. Setiap peserta kemudiannya diberikan penerangan yang jelas mengenai tujuan kajian, prosedur temu bual dan FGD, bentuk penglibatan yang diperlukan, serta hak mereka sebagai peserta kajian. Peserta dimaklumkan bahawa penyertaan adalah secara sukarela dan mereka berhak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi negatif. Persetujuan bertulis dan termaklum juga diperoleh daripada setiap peserta sebelum sesi pengumpulan data dilaksanakan.

Bagi menjaga kerahsiaan dan privasi peserta, identiti sebenar peserta serta organisasi yang diwakili tidak didedahkan dalam penulisan artikel ini. Setiap peserta dirujuk menggunakan kod informan bagi tujuan pelaporan dapatan. Peserta juga diingatkan agar tidak mendedahkan maklumat sulit yang boleh mengenal pasti mana-mana mangsa, keluarga, pelaku, atau kes tertentu semasa sesi temu bual dan FGD berlangsung. Semua maklumat yang diperoleh dikendalikan secara sulit, dianonimkan, dan hanya digunakan untuk tujuan analisis akademik. Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan kajian mematuhi prinsip persetujuan termaklum, kerahsiaan, perlindungan privasi, dan sensitiviti terhadap isu perlindungan kanak-kanak.

Hasil Kajian

Jadual 1 memaparkan profil sosiodemografi 15 peserta kajian yang terdiri daripada pegawai agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO), termasuk pendidik, pegawai penguatkuasa, pelindung kanak-kanak, serta aktivis sosial yang terlibat secara langsung dalam menangani kes penderaan seksual kanak-kanak. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan, sebagaimana disarankan oleh Creswell (2018), bagi memastikan peserta memenuhi kriteria seperti warganegara Malaysia, kesediaan untuk terlibat, dan pengalaman dalam mengendalikan kes penderaan seksual kanak-kanak. Kepelbagaian jantina, umur, dan latar profesion peserta turut memberikan perspektif holistik mengenai pengalaman pekerja komuniti dalam menangani isu ini di Malaysia.

Jadual 1. Profil sosiodemografi pekerja komuniti


FGD 1						
Kod	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Pekerjaan	Tahun Penglibatan
1	P	34	M	I	NGO	5
2	P	32	M	I	Kaunselor Pusat Terapi	7
3	P	29	Sabah	I	NGO	5
4	P	48	M	I	Ahli Psikologi	15
5	P	36	M	I	NGO	15
FGD 2						
Kod	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Pekerjaan	Tahun Penglibatan
6	L	36	M	I	Pensyarah	15
7	P	45	M	I	Peg. Perkhidmatan Pendidikan	20
8	L	35	M	I	Pekerja Belia	7
9	P	65	M	I	Penasihat Mahkamah	30
10	P	50	M	I	NGO	25
FGD 3						
Kod	Jantina	Umur	Bangsa	Agama	Pekerjaan	Tahun Penglibatan
11	L	36	M	I	Peg. Perubatan	8
12	L	46	M	I	Peg. Perubatan	15
13	P	47	M	I	Pensyarah	15
14	P	44	I	H	NGO / Pengamal Undang-Undang	10
15	P	44	M	I	Guru	10

Secara keseluruhannya, peserta kajian terdiri daripada kumpulan berpengalaman dan kompeten dengan latar belakang jantina, umur, dan profesion yang pelbagai. Kepelbagaian ini memberikan perspektif holistik terhadap pengalaman pekerja komuniti dalam menangani penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia, sekaligus memastikan data yang diperoleh berkualiti tinggi dan mencerminkan pandangan pelbagai pihak. Penglibatan mereka yang luas turut memperkukuhkan dapatan kajian dalam menyumbang kepada penyelesaian praktikal dan dasar yang lebih berkesan.

Penderaan seksual kanak-kanak merupakan isu global yang memberi kesan serius terhadap perkembangan psikologi, sosial, dan emosi mangsa. Di Malaysia, kes ini semakin mendapat perhatian melalui liputan media, kajian akademik, serta usaha kerajaan dan NGO dalam pencegahan serta intervensi. Walau bagaimanapun, cabaran bukan sahaja terletak pada usaha membanteras jenayah, tetapi juga pada faktor sosiobudaya seperti stigma, penerimaan budaya dan tahap kesedaran masyarakat. Dalam konteks ini, pekerja komuniti berperanan penting sebagai barisan hadapan dalam membantu mangsa, menyokong keluarga, serta menjalankan advokasi kesedaran awam.

Kepelbagaian budaya, agama, dan norma sosial di Malaysia turut mempengaruhi pendekatan pekerja komuniti dalam menangani isu ini. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada cabaran sosiobudaya yang dihadapi pekerja komuniti, khususnya bagaimana faktor budaya, agama, dan norma membentuk kerangka kerja mereka serta mempengaruhi keberkesanan sokongan kepada mangsa. Analisis data telah mengenal pasti

tiga tema utama iaitu penerimaan keluarga, stigma sosial, dan kesedaran masyarakat yang rendah, seperti digambarkan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Analisis data kajian tentang cabaran sosiobudaya pekerja komuniti

Berdasarkan temu bual melalui *Focus group Discussion* (FGD) yang telah dilakukan ke atas 15 orang peserta kajian, didapati bahawa penerimaan keluarga menjadi punca utama kepada cabaran sosiobudaya pekerja komuniti dalam menangani isu penderaan seksual kanak-kanak.

Perbincangan

Penerimaan Keluarga

Pelaku dan mangsa sering mempunyai hubungan kekeluargaan

Dapatan FGD menunjukkan bahawa pelaku penderaan seksual kanak-kanak lazimnya terdiri daripada individu yang dikenali dan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mangsa. Penemuan ini konsisten dengan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa majoriti kes penderaan seksual kanak-kanak dilakukan oleh individu dalam lingkungan kepercayaan mangsa termasuk ahli keluarga dan kenalan rapat (Finkelhor, 2009; Stoltenborgh et al., 2011). Hubungan rapat ini menyebabkan risiko penderaan sukar dikenal pasti kerana pelaku hadir dalam ruang sosial yang lazimnya dianggap selamat seperti rumah keluarga, rumah saudara, atau persekitaran penjagaan harian. Dalam konteks ini, kedudukan pelaku sebagai ahli keluarga bukan sahaja memudahkan akses kepada mangsa, malah mengurangkan kecurigaan ibu bapa dan komuniti terhadap tingkah lakunya.

“Pelaku dan mangsa sering mempunyai hubungan kekeluargaan. Dalam kes melibatkan mangsanya kanak-kanak, banyak ibu bapa yang tidak berkomunikasi dalam keluarga dengan baik. Ibu bapa tidak tahu dengan siapa anak-anak mereka bergaul.”

(Informan 2, Perempuan, 32 tahun, FGD 1)

“Kami dapati dalam banyak kes pelaku adalah individu yang dikenali oleh keluarga. Ada satu kes pelaku merupakan abang sepupu mangsa yang tinggal bersama-sama keluarga mereka.”

(Informan 10, Perempuan, 50 tahun, FGD 2)

Kegagalan keluarga mengenal pasti risiko penderaan seksual kanak-kanak boleh dijelaskan melalui kewujudan andaian normatif tentang keselamatan dalam keluarga. Ahli keluarga sering dianggap sebagai individu yang secara semula jadi boleh dipercayai dan tidak membahayakan. Menurut teori ekologi Bronfenbrenner (1979), keluarga sebagai mikrosistem memainkan peranan utama dalam perlindungan kanak-kanak. Namun begitu, sistem ini juga boleh menjadi ruang risiko apabila interaksi sosial tidak dipantau secara kritikal. Dalam situasi sedemikian, pelaku mampu mengeksploitasi hubungan rapat untuk mendapatkan akses kepada mangsa serta mengawal keadaan tanpa menimbulkan kecurigaan.

Fenomena ini boleh difahami melalui konsep kepercayaan sosial (*social trust*). Putnam (2000) menyatakan bahawa kepercayaan sosial memudahkan interaksi dan kerjasama, tetapi dalam hubungan kekeluargaan, kepercayaan yang tidak disertai pemantauan boleh membuka ruang kepada eksploitasi. Hardin (2002) pula menegaskan bahawa kepercayaan bersifat *encapsulated interest* iaitu individu mempercayai orang lain kerana mengandaikan kepentingannya akan dijaga. Dalam kes penderaan, kepercayaan ini dimanipulasi oleh pelaku untuk mengurangkan pengawasan serta mengawal naratif kejadian. Secara teoritikal, keadaan ini menunjukkan bahawa penderaan seksual kanak-kanak perlu difahami sebagai hasil interaksi antara tingkah laku individu dan struktur sosial berasaskan kepercayaan yang tidak kritikal (Finkelhor et al., 2022).

“Dalam kebanyakan kes, pelaku adalah orang yang rapat dengan mangsa dan dipercayai oleh keluarga. Sebagai contoh, kami pernah mengendalikan satu kes di mana pelaku merupakan bapa saudara mangsa yang sering diminta menjaga anak-anak apabila ibu bapa bekerja. Ibu mangsa memberitahu bahawa dia tidak pernah terfikir perkara seperti ini boleh berlaku dalam keluarga sendiri kerana mereka sentiasa menganggap pelaku sebagai seorang yang penyayang dan bertanggungjawab”

(Informan 14, Perempuan, 44 tahun, FGD 3)

Dapatan ini selari dengan kajian Mekonnen (2024) dan Demirgören et al. (2020) yang menunjukkan bahawa pelaku penderaan seksual kanak-kanak lazimnya terdiri daripada ahli keluarga atau individu yang rapat dengan mangsa. Hubungan rapat ini bukan sahaja memudahkan akses pelaku kepada mangsa, tetapi juga menghalang pengenalpastian dan pelaporan kes. Dari perspektif sosiologi, keadaan ini memperlihatkan peranan keluarga yang bersifat paradoks iaitu sebagai ruang perlindungan dan dalam masa yang sama sebagai ruang risiko. Kegagalan mengenal pasti risiko dalam keluarga bukan semata-mata berpunca daripada kekurangan maklumat, tetapi juga disebabkan oleh andaian sosial bahawa ahli keluarga ialah individu yang selamat dan boleh dipercayai. Andaian ini menyebabkan tanda awal seperti perubahan tingkah laku mangsa, kawalan berlebihan oleh pelaku, atau situasi di mana pelaku bersendirian dengan kanak-kanak tidak ditafsir sebagai ancaman. Risiko menjadi semakin tersembunyi apabila pelaku mempunyai kedudukan yang dihormati, seperti saudara lebih tua, penjaga, atau individu yang sering membantu urusan keluarga.

Dalam konteks budaya kekeluargaan Melayu, nilai seperti hormat kepada orang tua, kepatuhan, menjaga maruah keluarga, dan mengekalkan keharmonian hubungan memainkan peranan penting dalam membentuk interaksi sosial. Nilai-nilai ini selari dengan konsep kolektivisme Asia yang menekankan kepentingan keluarga dan reputasi sosial berbanding individu (Triandis, 1995). Walaupun nilai ini memperkukuhkan solidariti keluarga, ia juga boleh mengehadkan keupayaan untuk mempersoalkan tingkah laku ahli keluarga yang lebih tua atau berautoriti. Implikasinya, kanak-kanak mungkin berasa sukar untuk bersuara kerana bimbang dianggap melawan, mencemarkan nama keluarga, atau menimbulkan konflik. Dalam masa yang sama, budaya yang mengutamakan kesetiaan dan penyelesaian masalah secara dalaman boleh melemahkan keupayaan keluarga untuk mengesan serta bertindak terhadap risiko penderaan, khususnya apabila pelaku berada dalam jaringan kekeluargaan yang dipercayai.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa risiko penderaan seksual kanak-kanak bukan sahaja berpunca daripada devians individu pelaku, tetapi juga terhasil daripada struktur kepercayaan sosial dalam keluarga yang tidak dipersoalkan. Oleh itu, perlindungan kanak-kanak memerlukan peralihan daripada kepercayaan berasaskan hubungan semata-mata kepada kepercayaan yang disertai kesedaran risiko, pemantauan, komunikasi terbuka, pendidikan tentang sempadan diri, serta kewujudan saluran pelaporan yang selamat dan berkesan.

Kesukaran mendapatkan sokongan keluarga

Kesukaran mendapatkan sokongan keluarga dalam kes penderaan seksual berkait rapat dengan stigma sosial dan norma budaya. Dalam masyarakat Asia, termasuk Melayu, konsep menjaga maruah keluarga memainkan peranan penting dalam menentukan tindakan (Abdullah, 1996). Penderaan seksual sering dianggap sebagai aib, menyebabkan keluarga memilih untuk menyembunyikan kes atau menyelesaikannya secara dalaman.

“...ibubapa tidak setuju sebab mungkin ada isu iaitu malu, dia ikut kes lah contoh suka sama suka. Dan kesannya, dia akan mendapatkan consultation daripada pegawai kesihatan.”

(Informan 5, Perempuan, 36 tahun, FGD 1)

“Kadang-kadang ibu bapa rasa macam tak perlu libatkan orang luar. Mereka cuba selesaikan sendiri sebab takut orang lain tahu dan malu. Tapi ini sebenarnya susahkan anak-anak sebab mereka tak dapat bantuan yang betul.”

(Informan 8, Lelaki, 35 tahun, FGD 2)

Dapatan ini menunjukkan bahawa sokongan keluarga tidak boleh difahami hanya sebagai keputusan individu ibu bapa, sebaliknya dipengaruhi oleh norma sosial yang menekankan maruah, rasa malu, dan penilaian komuniti. Dalam konteks masyarakat Malaysia, khususnya keluarga Melayu, isu penderaan seksual sering dianggap sebagai perkara yang mencemarkan nama baik keluarga. Keadaan ini menyebabkan keluarga cenderung menangguk laporan, memilih penyelesaian dalaman, atau mendapatkan bantuan tidak formal terlebih dahulu.

Di samping itu, perbincangan ini menunjukkan bahawa budaya menjaga maruah keluarga boleh mewujudkan dilema antara keperluan mengekalkan reputasi dan tanggungjawab melindungi kanak-kanak. Nilai seperti hormat kepada ahli keluarga, keengganan membuka aib, serta kecenderungan mengelakkan campur tangan pihak luar menjadikan isu penderaan seksual sukar ditangani secara terbuka. Dalam kerangka sosiologi, norma kekeluargaan ini bukan sahaja berfungsi sebagai asas sokongan, malah berpotensi menjadi struktur yang mengekang suara mangsa, khususnya apabila isu seksual dikaitkan dengan rasa malu dan kehormatan keluarga. Oleh itu, kegagalan keluarga memberi sokongan tidak boleh ditafsir semata-mata sebagai kekurangan kasih sayang, tetapi perlu difahami sebagai hasil tekanan sosial untuk mengekalkan imej keluarga yang dianggap baik dalam komuniti.

Selain faktor budaya, kekurangan pengetahuan ibu bapa tentang prosedur undang-undang turut menyumbang kepada kesukaran pekerja komuniti mendapatkan kerjasama keluarga. Ibu bapa yang tidak memahami keperluan kehadiran di mahkamah, tanggungjawab sebagai penjaga, atau mekanisme perlindungan kanak-kanak cenderung melihat campur tangan institusi sebagai ancaman, bukannya sebagai sokongan. Keadaan ini digambarkan melalui kenyataan seorang peserta:

“Ibu bapa kena ada di mahkamah... selagi mak tidak datang anak akan duduk dalam lokap. Jadi yang ini ibu bapa tidak tahu. Dia ingat kalau umur dah 16 tahun sudah cukup besar dan kalau buat salah akan tanggung sendiri. JKM kena pergi ke rumah, kena jumpa dan panggil.”

(Informan 4, Perempuan, 48 tahun, FGD 1)

Petikan ini menunjukkan bahawa kekurangan literasi undang-undang boleh menangguk intervensi serta menyulitkan proses perlindungan kanak-kanak. Dapatan ini selari dengan kajian Mathews & Collin-Vézina (2019) yang mendapati bahawa ketidakfahaman terhadap sistem perlindungan kanak-kanak menyebabkan ibu bapa sama ada tidak melaporkan kes atau gagal bekerjasama dengan pihak berkuasa. Dari perspektif sosiologi, situasi ini mencerminkan konflik antara norma budaya dan keperluan perlindungan, di mana tekanan sosial sering mengatasi kepentingan keselamatan mangsa.

Dari sudut teoritikal, keadaan ini memperlihatkan jurang antara sistem perlindungan formal dengan tahap kefahaman keluarga terhadap tanggungjawab sosial dan undang-undang mereka. Apabila prosedur tidak difahami, keluarga cenderung bersikap pasif, mengelak, atau menyerahkan sepenuhnya pengurusan kes kepada agensi berkaitan. Implikasinya, pekerja komuniti bukan sahaja perlu memberi sokongan kepada

mangsa, tetapi juga memainkan peranan mendidik keluarga mengenai proses undang-undang, hak kanak-kanak, dan kepentingan penglibatan keluarga dalam memastikan keselamatan mangsa.

Secara keseluruhannya, kesukaran mendapatkan sokongan keluarga perlu difahami sebagai cabaran sosiobudaya yang kompleks, melibatkan interaksi antara stigma, konsep maruah keluarga, dan jurang literasi institusi. Pendekatan perlindungan kanak-kanak yang berkesan memerlukan perhatian terhadap ketiga-tiga dimensi tersebut secara serentak.

Stigma sosial

Stigma sosial dalam kajian ini merujuk kepada penilaian negatif masyarakat terhadap mangsa dan keluarga yang dikaitkan dengan penderaan seksual kanak-kanak. Menurut Goffman (1963), stigma bukan sahaja melekat pada individu tetapi turut mempengaruhi hubungan sosial, identiti keluarga, dan penerimaan komuniti. Dalam konteks ini, stigma menyebabkan penderaan seksual tidak hanya dilihat sebagai jenayah terhadap kanak-kanak, tetapi juga sebagai ancaman kepada maruah keluarga. Oleh itu, ketakutan terhadap cemoohan masyarakat, kehilangan status sosial, dan tanggapan bahawa keluarga gagal menjaga anak menjadi faktor yang menghalang pelaporan serta akses kepada bantuan formal.

Orang awam enggan melaporkan kes

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebergantungan ekonomi terhadap pelaku merupakan antara faktor utama yang menghalang orang awam daripada melaporkan kes penderaan seksual kanak-kanak. Dalam banyak situasi, pelaku ialah penyumbang utama kepada pendapatan keluarga seperti bapa, bapa saudara, atau datuk. Keadaan ini mewujudkan dilema kepada keluarga mangsa kerana tindakan melaporkan kes berpotensi menyebabkan pelaku dihukum, sekaligus menjejaskan sumber kewangan utama keluarga. Akibatnya, keperluan dan keselamatan mangsa sering diketepikan demi mengekalkan kestabilan ekonomi, sekaligus membentuk kitaran kesunyian dan penindasan. Situasi ini turut digambarkan oleh peserta FGD:

“Ada kalangan ibu yang datang mengadu kepada kami berasa sangat malu dan aib kerana anaknya dirogol oleh pakciknyanya. Pakciknyanya yang menyara kehidupan sekeluarga, jadi bimbang dengan keadaan sekarang. Tapi jika report kepada polis, terputuslah orang yang menyara kami sekeluarga.”

(Informan 5, Perempuan, 36 tahun, FGD 1)

“Ada keluarga yang memang tak berani nak cakap sebab tahu kalau melaporkan, mereka akan kehilangan sokongan hidup. Jadi, mereka memilih untuk diam dan meneruskan hidup seperti biasa.”

(Informan 4, Perempuan, 48 tahun, FGD 1)

Petikan ini menunjukkan bahawa keengganan melaporkan kes bukan hanya berpunca daripada stigma sosial seperti rasa malu atau aib, tetapi juga didorong oleh ketakutan kehilangan sumber sara hidup terutamanya dari segi kewangan. Apabila pelaku memegang peranan sebagai penyara utama, keluarga berdepan dilema antara menuntut keadilan untuk mangsa dan memastikan kelangsungan hidup harian. Keadaan ini menghasilkan apa yang boleh ditafsirkan sebagai tekanan senyap, iaitu situasi di mana keluarga menyedari berlakunya penderaan tetapi memilih untuk tidak bertindak kerana terikat dengan keperluan material dan hubungan kekeluargaan.

Dari sudut sosiologi, fenomena ini menunjukkan bahawa kuasa pelaku tidak hanya terbentuk melalui paksaan atau ancaman, tetapi juga melalui kedudukan ekonominya dalam keluarga. Kebergantungan ekonomi ini mewujudkan ketidakseimbangan kuasa yang menyukarkan mangsa dan ahli keluarga lain untuk bertindak atau membuat laporan. Oleh itu, keputusan untuk melaporkan kes penderaan seksual kanak-kanak tidak boleh dilihat sebagai keputusan individu semata-mata, tetapi sebagai tindakan sosial yang dipengaruhi oleh struktur ekonomi, kebergantungan keluarga, dan risiko kehilangan sokongan hidup. Dapatan ini selari dengan kajian Lonne et al. (2009) yang menunjukkan bahawa faktor ekonomi merupakan antara penghalang utama dalam pelaporan kes penderaan kanak-kanak. Dari perspektif teori kuasa pula, situasi ini boleh dijelaskan melalui konsep struktur kuasa yang diperkenalkan oleh Emerson (1962) di mana kuasa seseorang individu bergantung kepada tahap kebergantungan pihak lain terhadapnya. Dalam konteks ini, pelaku memperoleh kuasa melalui

peranannya sebagai penyara, yang secara tidak langsung mengehadkan keupayaan mangsa dan keluarga untuk mencabar atau melaporkan perbuatannya.

Ketakutan terhadap aib keluarga

Stigma berkaitan aib keluarga dikenal pasti sebagai salah satu penghalang utama dalam usaha menangani kes penderaan seksual kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketakutan terhadap implikasi sosial dan reputasi keluarga sering menghalang mangsa serta ahli keluarga daripada melaporkan kejadian. Keadaan ini berkait rapat dengan struktur patriarki dalam masyarakat Malaysia, di mana lelaki dilihat sebagai pelindung utama dan penjaga maruah keluarga (Connell, 2005). Perkara ini digambarkan melalui pengalaman peserta kajian:

“Biasanya ibu yang akan datang mengadu dan menghantar anaknya yang merupakan mangsa. Bapa sama ada duduk dalam kereta atau tidak ikut bersama-sama. Pengalaman kami bapa mangsa biasanya malu untuk berdepan dengan situasi dan cuba menidakkan apa yang berlaku pada anaknya.”

(Informan 6, Lelaki, 36 tahun, FGD 2)

“Kadang-kadang ibu bapa rasa macam tak perlu libatkan orang luar. Mereka cuba selesaikan sendiri sebab takut orang lain tahu dan malu. Tapi ini sebenarnya susahkan anak-anak sebab mereka tak dapat bantuan yang betul.”

(Informan 13, Perempuan, 47 tahun, FGD 3)

Petikan ini menunjukkan bahawa pandangan terhadap aib keluarga bukan sahaja mempengaruhi mangsa, tetapi turut membentuk reaksi ibu bapa, khususnya bapa, yang cenderung untuk mengelak, menafikan, atau menjauhkan diri daripada situasi tersebut. Dalam banyak kes, penderaan seksual yang berlaku dalam lingkungan keluarga mencabar peranan lelaki sebagai pelindung, sekaligus mendorong tindak balas defensif bagi mengekalkan imej dan autoriti keluarga.

Dari perspektif sosiologi, situasi ini mencerminkan bagaimana pandangan negatif beroperasi dalam kerangka patriarki. Lelaki sebagai simbol perlindungan keluarga berhadapan tekanan untuk mengekalkan maruah, manakala ahli keluarga lain pula terdorong untuk meminimumkan atau menyembunyikan isu demi menjaga reputasi. Hal ini bertepatan dengan konsep *patriarchal bargain* yang diperkenalkan oleh Kandiyoti (1988), di mana ahli keluarga lelaki membuat penyesuaian tertentu sebagai pemimpin bagi mengekalkan kestabilan dan kehormatan keluarga. Dalam konteks ini, penyesuaian tersebut mengambil bentuk mendiamkan kes atau menyelesaikannya secara dalaman, walaupun tindakan ini menjejaskan keselamatan dan keperluan perlindungan mangsa. Secara teoritikal, dapatan ini menunjukkan bahawa pelaporan kes penderaan seksual kanak-kanak tidak hanya bergantung kepada kesedaran individu, tetapi dipengaruhi secara signifikan oleh norma sosial, struktur kuasa patriarki, dan tekanan untuk menjaga imej keluarga. Stigma berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial yang mengekalkan budaya senyap, manakala faktor seperti aib keluarga dan keengganan membuka isu kepada pihak luar memperkukuh kedudukan pelaku serta melemahkan suara mangsa.

Sehubungan itu, intervensi oleh pekerja komuniti perlu melangkaui pendekatan berbentuk nasihat semata-mata. Pendekatan yang lebih komprehensif diperlukan, termasuk usaha mengurangkan stigma masyarakat, meningkatkan kesedaran tentang kepentingan melaporkan kes, serta membangunkan saluran pelaporan yang selamat dan tidak menghukum mangsa atau keluarga. Di samping itu, intervensi juga perlu mengambil kira sensitiviti budaya dan struktur sosial agar usaha perlindungan kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Tahap Kesedaran Rendah

Ibu bapa kurang memahami keperluan melaporkan kes

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kekurangan kefahaman dalam kalangan ibu bapa mengenai keperluan melaporkan kes penderaan seksual kanak-kanak, sekaligus mencerminkan jurang literasi seksual

dan pengetahuan perlindungan kanak-kanak dalam institusi keluarga. Kajian UNESCO (2018) menegaskan bahawa pendidikan seksualiti komprehensif mampu meningkatkan kesedaran dan keupayaan perlindungan diri dalam kalangan kanak-kanak. Walaupun elemen pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti telah dimasukkan dalam silibus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) di sekolah, pelaksanaannya yang tidak konsisten di sekolah serta kekangan budaya dalam keluarga menyebabkan penyampaian pengetahuan ini tidak berlaku secara berkesan (Goldman, 2011). Kekangan masa pengajaran, keutamaan kepada aktiviti fizikal, serta ketidakselesaan guru dalam membincangkan topik sensitif menyumbang kepada kelemahan ini, seperti yang dinyatakan oleh peserta kajian:

“Di sekolah memang ada silibus pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti. Tetapi kadang-kala guru tidak mengejar kerana silibus ini dimasukkan dalam Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) yang biasanya mereka akan bermain di padang. Di rumah pula ibu bapa tiada kemahiran nak mengejar mereka tentang seksual. Jadi anak-anak ini tidak tentuan untuk mendapatkan info sehinggakan mereka tidak tahu.”

(Informan 10, Perempuan, 50 tahun, FGD 2)

Situasi ini memperlihatkan wujudnya jurang yang ketara antara pendidikan formal di sekolah dengan pendidikan perlindungan diri di rumah. Walaupun kurikulum menyediakan asas pengetahuan, keberkesanannya amat bergantung kepada kesediaan guru, masa pengajaran, dan penerimaan terhadap topik sensitif. Pada masa yang sama, ibu bapa sering tidak mempunyai pengetahuan, kemahiran, serta pendekatan komunikasi yang sesuai untuk membincangkan isu berkaitan tubuh badan, sempadan sentuhan, dan risiko penderaan bersama anak-anak.

Akibatnya, kanak-kanak tidak menerima maklumat yang konsisten daripada dua agen sosialisasi utama, iaitu sekolah dan keluarga. Dari perspektif sosiologi pendidikan, keadaan ini menunjukkan bahawa penyebaran pengetahuan tentang perlindungan kanak-kanak berlaku secara tidak seimbang dalam masyarakat. Kanak-kanak yang kurang mendapat pendidikan seksualiti yang tepat cenderung bergantung kepada sumber tidak sah seperti rakan sebaya, internet, atau media sosial, yang berpotensi meningkatkan risiko salah faham dan pendedahan kepada maklumat yang tidak tepat.

Sehubungan itu, kekurangan maklumat ini bukan sekadar isu pengetahuan, tetapi mencerminkan kelemahan institusi sosial dalam menyediakan pendidikan perlindungan yang sistematik dan berterusan. Pendidikan seksualiti komprehensif perlu difahami sebagai satu mekanisme perlindungan sosial yang penting, kerana ia membantu kanak-kanak mengenal pasti risiko, memahami konsep persetujuan, serta mengetahui saluran yang betul untuk mendapatkan bantuan apabila berhadapan dengan ancaman.

Ketiadaan pendidikan berkenaan penderaan seksual

Ketiadaan pendidikan khusus mengenai penderaan seksual dalam sistem pendidikan formal kekal sebagai cabaran utama dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi. Walaupun pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti bertujuan membentuk kesedaran tentang tubuh badan, batas pergaulan, serta risiko penderaan, aspek ini masih kurang diberi penekanan dalam pelaksanaan sebenar. Akibatnya, kanak-kanak cenderung mendapatkan maklumat daripada sumber tidak sah seperti internet atau bahan pornografi, yang berpotensi membentuk pemahaman yang tidak tepat. Brown & L'Engle (2009) menegaskan bahawa pendedahan kepada bahan pornografi boleh mewujudkan persepsi yang tidak realistik tentang hubungan seksual serta konsep persetujuan. Perkara ini turut digambarkan melalui pengalaman peserta kajian:

“Bila kami turun sekolah-sekolah buat program dengan pelajar sekolah memang ramai yang tidak tahu apa itu vagina, hymen, kitaran haid, dan aktiviti-aktiviti seksual. Jadi kami terangkan kepada pelajar sekolah ini tentang hal tersebut. Tetapi, pernah ada satu pengalaman yang mana seorang pelajar ini angkat tangan menyatakan dia sudah tahu tentang hubungan seksual. Bila kami tanya dia dapat tahu apa dan dari mana. Dia jawab dapat tahu dari telefon ayah sebab ada video pornografi.”

(Informan 7, Perempuan, 45 tahun, FGD 2)

Petikan ini menunjukkan bahawa ketiadaan pendidikan seksualiti yang tersusun mendorong kanak-kanak mencari maklumat melalui saluran tidak sesuai termasuk pornografi. Pendedahan sedemikian bukan sahaja membentuk pemahaman yang keliru tentang hubungan seksual, tetapi juga mengenai kuasa, persetujuan, dan batas tubuh. Dalam konteks perlindungan kanak-kanak, keadaan ini meningkatkan risiko kerana kanak-kanak mungkin tidak dapat membezakan antara interaksi yang selamat, eksploitasi, dan paksaan, terutamanya apabila melibatkan individu yang lebih dewasa atau mempunyai autoriti.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kanak-kanak sering tidak memahami risiko dan akibat daripada aktiviti seksual, termasuk dalam situasi yang dianggap sebagai “suka sama suka”:

“Mangsa biasanya tidak matang. Yang masuk ke rumah perlindungan ini biasanya yang sudah mengandung dan biasanya mereka tidak tahu perbuatan mereka lakukan boleh menyebabkan mereka mengandung. Tidak dinafikan ada juga yang suka sama suka namun apabila melibatkan kanak-kanak, ia tetap penderaan seksual. Mereka tidak tahu aktiviti seksual yang mereka lakukan boleh membahayakan diri mereka.”

(Informan 8, Lelaki, 35 tahun, FGD 2)

Kenyataan ini memperlihatkan kelemahan pemahaman kanak-kanak terhadap risiko kehamilan serta konsep persetujuan. Dalam kerangka perlindungan kanak-kanak, persetujuan tidak boleh ditafsir secara literal kerana wujud ketidakseimbangan kuasa antara kanak-kanak dan individu yang lebih dewasa, berautoriti, atau dipercayai. Keadaan ini diperburukkan lagi oleh norma sosial yang menekankan kepatuhan kepada orang dewasa, sekaligus menyukarkan kanak-kanak untuk mempersoalkan tingkah laku yang tidak selamat atau melaporkannya kepada pihak lain.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran yang rendah berpunca daripada kelemahan literasi perlindungan sosial dalam kalangan kanak-kanak. Pendidikan seksualiti yang sering dianggap sebagai isu tabu menyebabkan pengetahuan tentang tubuh badan, batas sentuhan, persetujuan, dan saluran bantuan tidak disampaikan secara terbuka dan konsisten. Akibatnya, kanak-kanak lebih mudah terdedah kepada maklumat tidak sahih serta berhadapan kesukaran untuk mengenal pasti situasi berisiko.

Dari sudut teoritikal, keadaan ini menegaskan bahawa penderaan seksual kanak-kanak berlaku dalam konteks kegagalan institusi sosial menyediakan pendidikan perlindungan yang berkesan. Oleh itu, pendidikan seksualiti komprehensif perlu dilihat sebagai mekanisme pencegahan yang penting dalam membina keupayaan kanak-kanak melindungi diri. Seiring dengan pandangan Finkelhor (2009), pengetahuan tentang perlindungan diri merupakan komponen asas dalam pencegahan penderaan; tanpa pengetahuan tersebut, kanak-kanak sukar mengenal pasti risiko atau mendapatkan bantuan apabila berhadapan dengan ancaman. Dalam konteks ini, peranan pekerja komuniti menjadi semakin signifikan bukan sahaja sebagai penyedia sokongan selepas berlakunya kes, tetapi juga sebagai agen pendidikan sosial yang menghubungkan sekolah, keluarga, dan komuniti dalam usaha membina kesedaran pencegahan yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang dirancang, iaitu meneroka cabaran sosiobudaya yang dihadapi oleh pekerja komuniti bagi meningkatkan keberkesanan pengendalian kes penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia. Melalui pendekatan kajian kualitatif dan analisis yang mendalam, kajian ini telah memberikan pemahaman baharu mengenai peranan pekerja komuniti dalam konteks intervensi sosial yang kompleks. Hasil kajian menunjukkan bahawa pekerja komuniti bukan sahaja berfungsi sebagai agen sosialisasi, tetapi juga sebagai perantara antara masyarakat, agensi kerajaan, dan organisasi bukan kerajaan (NGO). Walau bagaimanapun, cabaran sosiobudaya seperti stigma masyarakat terhadap mangsa, norma budaya yang mengekang pendidikan kesedaran, dan kekurangan sumber telah dikenal pasti sebagai halangan utama yang menjejaskan keberkesanan intervensi. Stigma, khususnya, sering menghalang keluarga daripada melaporkan kes penderaan, manakala tabu budaya menyukarkan usaha mendidik masyarakat secara terbuka tentang isu perlindungan kanak-kanak.

Dari sudut teoritikal, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan wacana sosiologi khususnya berkaitan peranan agen sosial dan pengurusan risiko dalam masyarakat majmuk. Perlindungan kanak-kanak

tidak wajar dilihat sebagai isu individu semata-mata, sebaliknya perlu difahami dalam kerangka sosiobudaya yang lebih luas melibatkan dinamika kuasa, ketidakseimbangan gender, dan sensitiviti budaya. Manakala, dari sudut praktikal pula memberi implikasi yang berguna kepada pembuat dasar, pekerja komuniti, dan masyarakat umum. Pembuat dasar boleh menggunakan hasil kajian ini untuk merumuskan dasar perlindungan kanak-kanak yang lebih inklusif dengan mengambil kira cabaran sosiobudaya yang wujud. Pekerja komuniti pula boleh memperkukuhkan amalan intervensi melalui latihan berterusan serta pemanfaatan teknologi, manakala masyarakat boleh memainkan peranan lebih aktif melalui penglibatan dalam program kesedaran yang relevan dengan norma tempatan.

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa penderaan seksual kanak-kanak merupakan krisis sosial yang menuntut tanggungjawab kolektif. Dalam konteks Malaysia yang berbilang budaya, keupayaan untuk mengintegrasikan perlindungan kanak-kanak dengan sensitiviti budaya adalah kunci utama dalam memastikan keberkesanan intervensi. Dengan mengaplikasikan dapatan dan cadangan kajian ini, diharapkan usaha perlindungan kanak-kanak dapat dipertingkatkan, sekaligus menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih selamat, adil, dan inklusif.

Penghargaan: Penghargaan ditujukan kepada Prof. Dr. Haslinda Abdullah (UPM), Dr. Bok Guat Im (USM) dan Pertubuhan Pemerdayaan Keluarga/*Family Empowerment Society* (FAME) atas kerjasama kajian ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan bertulis dan termaklum telah diperoleh daripada setiap peserta sebelum pengumpulan data dijalankan.

Konflik Kepentingan: Kajian ini tidak melibatkan sebarang bentuk konflik kepentingan antara pihak-pihak terlibat.

Rujukan

- Abdullah, A. (1996). *Going glocal: Cultural dimensions in Malaysian management*. Malaysian Institute of Management.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Harvard University Press.
- Brown, J. D., & L'Engle, K. L. (2009). X-rated sexual attitudes and behaviors associated with U.S. early adolescents' exposure to sexually explicit media. *Communication Research*, 36(1), 129–151. <https://doi.org/10.1177/0093650208326465>
- Bryman, A. (2012). *Social research methods* (4th ed.). Oxford University Press.
- Connell, R. W. (2005). *Masculinities* (2nd ed.). University of California Press.
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Demirgören, S., Kaşıkçı, M., & Yılmaz, Ö. (2020). The influence of familial relationships on child sexual abuse reporting: Evidence from Turkey. *Journal of Child Sexual Abuse*, 29(5), 585–602.
- Emerson, R. M. (1962). Power-dependence relations. *American Sociological Review*, 27(1), 31–41. <https://doi.org/10.2307/2089716>
- Fetters, M. D., Curry, L. A., & Creswell, J. W. (2013). Achieving integration in mixed methods designs: Principles and practices. *Health Services Research*, 48(6 Pt 2), 2134–2156. <https://doi.org/10.1111/1475-6773.12117>
- Finkelhor, D. (1994). Current information on the scope and nature of child sexual abuse. *The Future of Children*, 4(2), 31–53.
- Finkelhor, D. (2009). The prevention of childhood sexual abuse. *The Future of Children*, 19(2), 169–194. <https://doi.org/10.1353/foc.0.0035>
- Finkelhor, D., Turner, H., & Colburn, D. (2022). Prevalence of online sexual offenses against children in the U.S. *JAMA Network Open*, 5(10), e2234471. <https://doi.org/10.1001/jamanetworkopen.2022.34471>
- Goffman, E. (1963). *Stigma: Notes on the management of spoiled identity*. Prentice-Hall.

- Goldman, J. D. G. (2011). *External influences on school-based sexuality education*. Springer.
- Hardin, R. (2002). *Trust and trustworthiness*. Russell Sage Foundation.
- Hasimi, M. (2023, March 8). 5,350 jadi mangsa jenayah seksual kanak-kanak antara 2017–2022 – Azalina. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/5350-jadi-mangsa-jenayah-seksual-kanakkanak-antara-20172022-azalina-409806>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). *Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara*. <https://jkm.penang.gov.my/index.php/14-dasar/25-dasar-perlindungan-kanak-kanak-negara>
- Kandiyoti, D. (1988). Bargaining with patriarchy. *Gender & Society*, 2(3), 274–290. <https://doi.org/10.1177/089124388002003004>
- Krueger, R. A., & Casey, M. A. (2015). *Focus groups: A practical guide for applied research* (5th ed.). SAGE Publications.
- Lonne, B., Harries, M., Featherstone, B., & Gray, M. (2009). *Working ethically in child protection*. Routledge.
- MacMillan, H. L. (2000). Child maltreatment: What we know in the year 2000. *Canadian Journal of Psychiatry*, 45(8), 702–709. <https://doi.org/10.1177/070674370004500802>
- Mathews, B., & Collin-Vézina, D. (2019). Child sexual abuse: Toward a conceptual model and definition. *Trauma, Violence, & Abuse*, 20(2), 131–148. <https://doi.org/10.1177/1524838017738726>
- Mekonnen, T. (2024). Child sexual abuse in Ethiopia: Prevalence, perpetrators, and reporting barriers. *Child Abuse & Neglect*, 150, 106312. <https://doi.org/10.1371/journal.pgph.0001979>
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. Simon & Schuster.
- Ramalingam, N., & Alavi, K. (2021). Cabaran pekerja sosial dalam mengendalikan pengurusan kes penderaan kanak-kanak di taska. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 3(1), 99–110.
- Rapholo, S. F. (2021). Forensic social workers' experiences regarding the non-disclosure of sexual abuse during forensic assessments with Black male child victims in South Africa. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(9), 69–81.
- Rosanida, A., Norhayati, I., Fatimah, Y., & Nor, B. A. K. (2015). *Penderaan seksual kanak-kanak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Silverman, D. (2013). *Doing qualitative research* (4th ed.). SAGE Publications.
- Stoltenborgh, M., van IJzendoorn, M. H., Euser, E. M., & Bakermans-Kranenburg, M. J. (2011). A global perspective on child sexual abuse. *Child Maltreatment*, 16(2), 79–101. <https://doi.org/10.1177/1077559511403920>
- Triandis, H. C. (1995). *Individualism and collectivism*. Westview Press.
- UNESCO. (2018). *International technical guidance on sexuality education: An evidence-informed approach* (Rev. ed.). UNESCO.
- Wan Zairul Azri, W. M. S. (2024, February 28). 110 kes jenayah seksual kanak-kanak bawah 6 tahun dilaporkan tahun lalu. *Buletin TV3*. <https://www.buletintv3.my/nasional/110-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-bawah-6-tahun-dilapor-tahun-lalu/>